

Pentadbirannya mungkin
disusun semula—Dr. M

Langkah baiki sekolah

BH 14 SEP 1972

IPOH, Jumaat.

MENTERI Pelajaran, Dr. Mahathir Mohamed, berikrar untuk memperbaiki kekurangan di sekolah - sekolah rendah luarbandar dan jika perlu menyusun semula pentadbirannya bagi maksud itu.

Katanya beliau akan mengkaji pentadbiran sekolah-sekolah tersebut diperingkat Kementerian dan Negeri dan jika perlu memperbaiki susunan pentadbirannya supaya segala usaha membetulkan keadaan kekurangan itu dapat berjalan teratur dan berkesan.

Dr. Mahathir berucap merasmikan Hari Ucapan dan Penyampaian Hadiah Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Raja Perempuan, di sini petang ini, upacara resminya yang pertama selaku Menteri Pelajaran yang baru.



DR. MAHATHIR

30
Beliau akan melawat lebih banyak sekolah terpencil untuk mendapatkan maklumat berkenaan kerana sekolah-sekolah dalam bandar telah banyak mendapat kemudahan.

Beliau juga akan meminta laporan dari penyelia sekolah dan mengkaji kemajuan sekolah-sekolah dari kejayaan peperiksaan serta mengambil berat tentang teguran-teguran yang dibuat melalui akhbar dan lain-lain.

Bagi sekolah-sekolah di kawasan bandar yang mempunyai banyak kemudahan beliau memandang berat jika sekolah-sekolah itu tidak mencapai kemajuan yang sewajarnya kerana perkara itu tidak patut berlaku.

Peluang

Katanya dalam hal demikian kesalahan mungkin terletak pada ibubapa, murid-murid dan guru yang tidak berusaha dengan cukup.

Dr. Mahathir berharap ibubapa akan mengambil peluang upacara seperti "hari terbuka" untuk mengikuti kemajuan pelajaran anak-anak mereka melalui guru-guru mereka.

Beliau juga berharap tokoh-tokoh masyarakat mengambil berat tentang sekolah-sekolah di sekeliling mereka.

Beliau menegaskan, dalam ucapan sulungnya sejak menjadi Menteri Pelajaran, asas pelajaran yang kuat di sekolah rendah amat penting dan faktor-faktor kemiskinan, dorongan, sikap, kemudahan fizikal mempunyai pertalian positif dengan kemajuan pelajaran.

Katanya adalah menjadi satu tugas utamanya mencari jalan supaya kekurangan yang ada di sekolah-sekolah rendah terutama di luarbandar diperbetulkan segera.

Melawat